'Patuhi putusan suara terbanyak'

MERSING, Sabtu

DATUK SERI Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli-ahli Umno supaya mengekalkan konsep patuh kepada keputusan majoriti dalam usaha untuk mewujudkan satu kepemimpinan yang berkesan di negara ini.

Perdana Menteri berkata, sehingga ini Umno telah dapat melaksanakan konsep ini di mana apa juga yang dikatakan oleh pemimpin adalah pendapat penyokong-penyokongnya.

"Memang benar ada penyoltong-penyokong yang tidak begitu sukan dengan sesuatu yang dilakukan oleh pucuk pimpinan tetapi mereka patuh kepada pendapat majoriti," kata beliau ketika berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Tenggaroh di sini hari ini.

Katanya, golongan ini terpaksa membela-kangkan perasaan mereka sendiri kerana kepentingan parti dan kerajaan serta kehormatan negara.

Presiden Umno itu berkata, sebenarnya yang penting dalam sesuatu pertubuhan bukanlah pemimpinnya tetapi sokongan daripada ahli-ahli kepada sesuatu keputusan yang dibuat oleh pemimpin berkenaan.

Berkuasa

"Selagi kita patuh, selagi kita ada disiplin, selama itulah kita akan berkuasa. Tetapi kalau kita sudah berpecah-belah dan menyokong kalau kita bersetuju serta tidak menyokong kalau kita tidak bersetuju, maka parti ini akan hancur," tegas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir bersyukur kerana sehingga ini tidak ada kejadian seperti itu walaupun ada didengar di sana sini bisik-bisik dan tindak-tanduk yang tidak menyenangkan tetapi umumnya sokongan yang diberi kepada keputusan yang dibuat oleh kepemimpinan parti adalah sokongan yang kukuh dan kuat.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli Umno, seluruh masyarakat negara ini akan menjadi buruk sekiranya mereka membiarkan imej parti itu menjadi buruk.

Umno bukan sahaja sebuah parti terbesar dan parti pemerintah di negara ini tetapi ia juga bertanggungjawab terhadap bangsa dan, negara keseluruhannya.

Untuk ini, kata Perdana Menteri itu, ahli-ahli Umno tidak boleh lalai dan membiarkan orang lain memikul tanggungjawab dalam mengembangkan nilai-nilai yang baik.

"Kita tidak boleh berkata sesuatu itu tanggungjawab kerajaan atau tanggungjawab pegawai-pegawainya tetapi setiap ahli Umno mempunyai tugas mengembangkan sesuatu nilai yang baik itu," tegas beliau lagi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selain daripada bergiat aktif dalam politik, ahli-ahli Umno juga perlu menjalankan kegiatan dalam menentukan semua dasar-dasar yang digubal oleh kerajaan mencapai kejayaan.

Satu dasar penting di mana ahli-ahli Umno dapat memainkan peranan ialah dalam menjayakan penubuhan bandar-bandar kecil di kawasan-kawasan luar bandar.

Katanya, wujudnya bandar-bandar demikian akan memudahkan lagi usaha kerajaan menyediakan kemudahan asas kepada rakyat sesuai dengan matlamat menyusun semula masyarakat negara ini.

Presiden Umno itu juga memuji kekuatan dan kestabilan Umno Negeri Johor di mana hanya tujuh daripada 16 bahagian yang menghadapi tentangan di peringkat ketua bahagian.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada Menteri Besar Datuk Abdul Ajib Ahmad yang menang tanpa berlanding menjadi Ketua Umno bahagian berkenaan.